

Seni Melayu wajar diluaskan daerah pengenalannya

KESENIAN Melayu, terutama sekali yang bersifat tradisional, kebanyakannya didukung dan dihayati oleh masyarakat non-elit yang mendiami di daerah perkampungan. *PNINIK H.M.*

Sedangkan masyarakat elit yang mendiami kawasan perbandaran kebanyakannya leka dengan pemujaan kesenian moden yang dillhamkan oleh kebudayaan Barat. Gejala negatif ini sekaligus membayangkan perbezaan nilai yang diwujudkan di antara kesenian Melayu tempatan dengan kesenian Barat yang diimport.

Ketidaksamarataan nilai yang wujud di antara kesenian Melayu (tradisional) dan kesenian Barat (moden) ini dapat dihapuskan ataupun sekurang-kurangnya dapat diperkecilkan dengan memasyarakatkan kesenian Melayu itu sendiri kepada golongan elit.

Tugas ini patut dipertanggungjawab kepada institusi tinggi sama ada yang dimiliki kerajaan ataupun swasta seperti MAS-Utusan Melayu yang pernah dan akan menaja kejohaan Sepak Takraw Antarabangsa, Universiti Sains Malaysia yang telah menubuhkan Pusat Seni, Universiti Malaya yang telah mengelitkan kesenian Melayu melalui Pusat Kebudayaan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang baru saja memasyarakatkan kesenian Melayu melalui

program Bulan Budayanya. *KINODAMAN M.C.M.Y.*

Tidak dinafikan cendekiawan secara individu dapat juga memasyarakatkan kesenian Melayu dengan berkesan sama ada melalui penulisan-penulisan yang berdasarkan teori ataupun pengajaran-pengajaran yang bersikap praktis kepada orang ramai. *B. Harian (M)*

Kerana kesedaran inilah maka penulis telah mengendalikan satu kelas latihan seni silat Melayu khusus kepada kakitangan am, kakitangan akademik dan mahasiswa-mahasiswi Universiti Kebangsaan Malaysia. *- 7 SEP 1986*

Dan kalau diizinkan Allah, penulis bercadang mengadakan satu lagi kelas latihan Seni Silat Melayu kepada orang ramai sama ada di kampus Universiti Kebangsaan Malaysia atau di Kuala Lumpur.

Bagi mereka yang berminat silalah berhubung dengan penulis di Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (Telefon 8250001-19 Sambungan 3252 atau 2280) untuk mendapatkan keterangan lanjut.

Kelas Seni Silat Melayu UKM ini akan dikendalikan oleh penulis sendiri. Tujuan penulis mengadakan kelas silat ini adalah untuk mempraktikkan segala ilmu



Oleh
TUN ISMAIL TUN SOH
Universiti Kebangsaan, Malaysia

persilatan Melayu yang pernah diselidiki selama ini. Dengan demikian, ia tidak akan hanya disimpan di perpustakaan-perpustakaan universiti sebagai pusaka yang akan diwarisi tetapi dapat dihayati oleh masyarakat umum dalam pengisian kehidupan seharian mereka. *- 7 SEP 1986*
Berkesan

Selain itu, melalui kelas/latihan silat yang akan diadakan masyarakat umum diharap akan menjadi lebih peka dan maklum apa itu Seni Silat Melayu dari segi ciri, identiti, prinsip dan falsafahnya. Setelah mengenalinya dengan mendalam, barulah ia dapat dinilai secara lebih objektif tentang kekuatan dan kelemahannya.

Segala kekuatan yang ada padanya hendaklah

dinaungi dan setiap kelemahan diperbaiki bersama. Membelakangkan seni membela diri bangsa sendiri dengan alasan bahawa ia tidak setanding dengan seni membela diri bangsa asing satu tindakan yang sangat mendukacitakan dan merugikan budaya bangsa sendiri. Perlu diingatkan, hanya seni silat atau pencak-silat satu-satunya kesenian Melayu yang boleh dibanggakan lagi oleh bangsa Melayu kerana masih diperakui oleh masyarakat dunia sebagai hak kepunyaan bangsa Melayu yang asli. *B. Harian (M)*

Kerana tujuan demikian maka kelas/latihan Seni Silat Melayu UKM akan dikendalikan secara tradisional tetapi ber-sistematik dan saintifik. Ketradisionalannya akan dipertahankan un-